



UCAPAN PERASMIAN

**YB DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA MOHD DU
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KEMBARA KEBAJIKAN 1MALYSIA

**DEWAN KAMPUNG KERUKAN, KUALA PENYU
BEAUFORT, SABAH**

**19 MAC 2016 (SABTU)
11.00 PAGI**

SALUTASI]

ssalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh selamat pagi,
alam sejahtera, salam 1 perpaduan dan salam 1Malaysia.

Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat A
SWT kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat berkun
pada pagi ini untuk bersama-sama bergerak, seiring selang
dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Datang ke Negeri Sabah Negeri Di Bawah B khususnya ke Parlimen Beaufort kepada rombongan Kemt Kebajikan 1Malaysia yang telah mendampingi penduduk Parlimen Beaufort bermula dari pagi semalam.

Saya dimaklumkan rombongan Kembara ini telah mengada lawatan mesra ke PDK Kuala Penyu dan juga mengada aktiviti riadah bersama golongan OKU di PDK Klias Ri Inisiatif yang dipamerkan oleh rombongan dalam memasti

2
tiada golongan yang terpinggir dalam penganjuran sesu program wajar dijadikan contoh oleh semua pihak.

adiri yang dihormati,

Kembara Kebajikan 1Malaysia merupakan aspi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang bertepatan dengan hasrat kerajaan iaitu menyemarak semangat kesukarelaan di kalangan rakyat Malaysia ur

golongan yang memerlukan bantuan samada bantuan dari s kewangan ataupun sosial.

Negeri Sabah merupakan destinasi kedua Kembara ini setela telah dilancarkan pada 11 Mac 2016 bertempat di Lur Sarawak oleh YAB Ketua Menteri Sarawak. Seterus rombongan Kembara Kebajikan 1Malaysia akan pulang semenanjung bagi meneruskan jelajah ke seluruh neg sebelum destinasi terakhir di Bagan Datoh, Perak pada a bulan April nanti.

Melalui Kembara Kebajikan, KPWKM berhasrat mem pendedahan dan meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai peranan yang perlu dimainkan, program-prog Jabatan serta meningkatkan penglibatan pemimpin-pemin masyarakat, sektor korporat serta sukarelawan dalam mem perkhidmatan kepada golongan sasar Jabatan.

adirin yang saya hormati sekalian,

PRISMA serta lain-lain perkhidmatan untuk didedahkan kepada masyarakat terutamanya kepada penduduk di sekitar Kampung Kerukan pada hari ini. Antara perkhidmatan yang ditawarkan ialah Pendaftaran OKU, perkhidmatan rawatan kesihatan, promosi dan pendaftaran Sukarelawan JKM.

Saya mengalu-alukan penglibatan semua pihak dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada kumpulan sasaran yang memerlukan. Kementerian secara bersendirian tidak mungkin mampu untuk menangani semua isu-isu yang dihadapi oleh wanita, keluarga dan masyarakat. Justeru,

jalanan perkongsian bijak⁶ dan strategic alliance dengan Komuniti, Sektor Korporat dan Pertubuhan Bukan Kerajaan merupakan satu daripada kaedah pelaksanaan yang cukup berkesan.

Saya dan Kementerian berpegang teguh kepada komitmen untuk menggalakkan penglibatan semua pihak dalam mewujudkan sinergi yang diperlukan untuk memastikan kelangsungan hidup dan kesejahteraan sosial kumpulan sasaran.

3. Sehubungan itu, saya menyeru kepada hadirin untuk menyambut baik usaha KPWKM yang telah menggembelngkan pelbagai agensi kerajaan dan swasta untuk membawa perkhidmatan-perkhidmatan ke peringkat akar umbi dengan mengambil peluang yang ada untuk berkunjung dan mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan.

adiri yang saya hormati sekalian,

1. Aktiviti kesukarelaan merupakan sistem sokongan sosial komuniti yang sentiasa dititikberatkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam membentuk masyarakat manpan seiring

8

dengan arus pembangunan negara. Kita boleh lihat bagaimana Jepun sebuah negara yang maju menjadikan semangat sukarelawan sebagai asas pembentuk identiti masyarakat Jepun yang berjati diri tinggi.

2. Sebelum ke dewan, saya bersama-sama rombongan Kembara Kebajikan dan para sukarelawan telah mengadakan 'Program Home Help' di rumah salah seorang penerima Bantuan Pesakit Terlantar di Kg. Kepayan Skim. Teruja saya melihat semangat

membantu memperbaiki dan mengemas rumah klien sebelum tadi.

3. Semoga dengan rumah yang telah dibaiki ini, encik Ahmad pasangannya puan Abit akan hidup dengan lebih selece. Harapan saya, sukarelawan SUPERB & sukarelawan Home Help akan sentiasa mengunjungi dan melawat pasangan dan klien-klien yang lain dalam membantu mempermudah hidup mereka.

10

4. Alhamdulillah, di Malaysia kita dapat melihat pelbagai pihak memainkan peranan dalam menyemai dan menyuburkan budaya sukarelawan di kalangan masyarakat baik dari agensi kerajaan, swasta mahupun NGO. Sehingga Januari 2017, seramai 9009 sukarelawan telah mendaftar dengan JKKM. Daripada jumlah tersebut seramai 1144 merupakan sukarelawan dari negeri Sabah. Bagi sukarelawan Home Help pula, JKM telah melatih seramai 150 sukarelawan di negeri Sabah yang memberi perkhidmatan kepada 451 orang wa

5. Saya melihat kita perlu menggiatkan penyertaan Sukarela Home Help, sehingga penghujung 2015 di negeri Sarawak terdapat seramai 27 852 penerima Bantuan Orang Tua, 23 884 penerima Bantuan Pesakit Terlantar dan 23 884 OKU yang berdaftar dengan JKM yang mungkin bukan sahaja memerlukan bantuan kewangan daripada JKM malah bantuan-bantuan lain seperti membeli barang keperluan harian, mengemas rumah atau rakan untuk berbual dan sebagainya untuk menghilangkan kesunyian. Bantuan-bantuan itu mungkin kelihatan kecil kepada kita, namun kepada kumpulan sasar KPWL

12

pendampingan sosial tersebut adalah pertolongan yang sangat bermakna dalam mereka meneruskan kehidupan seharian.

adiriin yang saya hormati sekalian,

6. Dengan penganjuran Kembara Kebajikan 1Malaysia diharapkan semua pihak memainkan peranan untuk berkolaborasi aktif dalam kerja sukarela terutama di peringkat komuniti sendiri. Ini adalah kerana ahli komuniti dan anggota masyarakat merupakan rakan strategik kerajaan yang

kumpulan sasar ini agar mereka tidak merasa tersisih terpinggir.

7. Pembangunan dan kebajikan masyarakat tidak lagi boleh dilihat sebagai tanggungjawab kerajaan semata-mata sebaliknya ia adalah tanggungjawab bersama melalui jalinan kerjasama dalam pelbagai agenda pembangunan untuk kesejahteraan masyarakat selaras dengan konsep “Kebajikan Tanggungjawab Bersama”.
3. Akhir kata, saya merakamkan ucapan tahniah dan syukur kepada Kementerian Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat

14

Masyarakat juga Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sa di atas inisiatif untuk melaksanakan program turun padang dan berdamping dengan golongan yang memerlukan bantuan serta lain-lain agensi dan sektor korporat yang mengah bahagian dalam menyediakan sumbangan untuk merealisasikan matlamat utama kembara ini.

Tinggi bukit gilang gemilang

Air laut tenang tenang

9. Denga lafaz Bismillahirrahmanirrahim sukacitanya merasmi pelancaran Kembara Kebajikan 1Malaysia Peringkat Parlimen Beaufort.

ekian.

Insha Allah Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatul
Lillahiyah Wabarakatuh.